


Surat Pekeliling Perbendaharaan**KERAJAAN MALAYSIA****SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN
BIL. 8 TAHUN 1998****PENGUNAAN MATA WANG
DALAM PEROLEHAN KERAJAAN**

Dikeliling Kepada:

**Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Ketua Badan Berkanun**

**SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN
BIL. 8 TAHUN 1998****PENGUNAAN MATA WANG
DALAM PEROLEHAN KERAJAAN****1. TUJUAN**

1.1. Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun/Syarikat Kerajaan (agensi Kerajaan) tentang syarat penggunaan mata wang dalam perolehan Kerajaan.

2. LATAR BELAKANG

2.1. Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) Bil. 1 Tahun 1998 mewajibkan semua perolehan Kerajaan sama ada diperolehi secara tempatan atau diimport hendaklah dibuat dalam mata wang Ringgit Malaysia sahaja. Ini adalah bagi mengelakkan Kerajaan daripada menanggung kerugian akibat daripada perubahan kadar pertukaran mata wang.

2.2. Berikutan langkah Kerajaan menetapkan bayaran kepada bukan pemastautin hendaklah dibuat dalam mata wang asing, maka peraturan di dalam SPP Bil. 1 Tahun 1998 tidak dapat dilaksanakan. Sehubungan dengan itu Kementerian Kewangan telah mengkaji dan menggubal peraturan penggunaan mata wang dalam perolehan Kerajaan bagi disesuaikan dengan keadaan semasa.

3. PELAKSANAAN

3.1. Bagi membantu melicinkan pelaksanaan peraturan semasa Kerajaan, semua agensi Kerajaan hendaklah mematuhi peraturan-peraturan penggunaan mata wang seperti yang berikut:

3.1.1. Tender Antarabangsa

3.1.1.1. Tawaran harga daripada kontraktor/pembekal luar dan bayaran oleh agensi Kerajaan hendaklah dibuat dalam mata wang asing.

3.1.1.2. Tawaran harga daripada pembekal/kontraktor tempatan bagi tender antarabangsa boleh dibuat sama ada dalam Ringgit Malaysia ataupun mata wang asing dan bayarannya hendaklah dibuat dalam mata wang yang sama seperti dalam tawaran yang dikemukakan.

3.1.1.3. Bagi tujuan penilaian harga, kadar pertukaran mata wang pada tarikh tutup tender hendaklah diguna pakai.

3.1.2. Tender Tempatan

3.1.2.1. Tawaran harga dan bayaran bagi perolehan yang dibuat secara tempatan hendaklah dibuat dalam Ringgit Malaysia sahaja.

4. PEROLEHAN YANG DIBIYAI OLEH WANG PINJAMAN LUAR NEGARA

4.1. Bagi perolehan yang dibiayai dari pinjaman luar negara atau institusi kewangan luar, syarat-syarat penggunaan mata wang untuk pembayaran dan kadar pertukaran seperti yang ditetapkan oleh institusi kewangan tersebut hendaklah dipatuhi.

5. KUATKUASA DAN PEMBATALAN

5.1. Surat Pekeliling ini berkuat kuasa pada tarikh ianya dikeluarkan dan dengan berkuatkuasanya SPP ini, peraturan dalam SPP seperti yang berikut dibatalkan:

5.1.1. SPP Bil. 1 Tahun 1998.

5.1.2. Perenggan 2.6 SPP Bil. 2 Tahun 1995

5.1.3. Perenggan 6 SPP Bil. 8 Tahun 1995.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

t.t

(WAN MAT BIN WAN SULAIMAN)

Bahagian Pengurusan Perolehan Kerajaan,
b.p. Ketua Setiausaha Perbendaharaan,
Kementerian Kewangan Malaysia.

Bertarikh: 24 Disember 1998

**s.k. Akauntan Negara Malaysia,
Ketua Audit Negara Malaysia,
Semua Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri; dan
Semua Ketua Bahagian Perbendaharaan Malaysia.**